

04 NOV 1997

G15-Peru

RAKYAT SERTA SEKTOR SWASTA MALAYSIA DAN PERU PERLU SALING MENGENALI

Oleh: Ruhil Amani Zainal Abidin

KUALA LUMPUR, 4 Nov (Bernama) -- Kini terpulang kepada ahli-ahli perniagaan Malaysia dan Peru untuk merebut peluang-peluang perdagangan yang terdapat di kedua-dua negara, kata seorang diplomat Peru hari ini.

Kaunselor Ekonomi dan Komersil Kedutaan Peru di Seoul, Jose Eyzaguirre berkata, pemimpin-pemimpin kedua-ke dua negara itu telah membentuk rangka kerja yang kukuh bagi sektor swasta memajukan perniagaan mereka.

Beliau memberitahu BERNAMA, "perdagangan antara Peru dan Malaysia masih kecil dengan rakyat dan sektor swastanya masih belum saling mengenali untuk menjalankan perniagaan".

"Kita masih belum saling mengenali...kita sangat rapat dalam pelbagai perkara, informaliti di sini sama seperti di Amerika Selatan jadi ia lebih kepada saling mengenali," kata Eyzaguirre yang berada di sini untuk menghadiri sidang kemucak Kumpulan 15 Negara Membangun (G15), di sini.

Hubungan diplomatik antara kedua-dua negara diwujudkan pada tahun 1986.

Pada Nov 1991, Presiden Alberto Fujimori membuat lawatan rasmi pertamanya ke Malaysia dan untuk membalas lawatan itu Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melawat Peru pada Okt 1995. Fujimori melawat Malaysia sekali lagi pada Nov lepas.

Tahun lepas, perdagangan antara Malaysia-Peru berjumlah AS\$100 juta. Jumlah Eksport Malaysia ke Peru ialah AS\$12.92 juta, sementara jumlah import ialah AS\$88.9 juta.

Menurut Eyzaguirre lagi, kedua-dua negara kini memerlukan mekanisme untuk memperkukuhkan lagi perdagangan antara mereka dengan lebih banyak perjanjian mengenai penggalakkan dan perlindungan pelaburan.

Mengenai keanggotaan Peru dalam forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec), beliau berkata kemasukkan negara itu dalam Apec akan diketahui dalam sidang kemuncak forum itu di Vancouver, Kanada pada 24 dan 25 Nov ini.

"Sokongan Dr Mahathir dalam usaha Peru menggangotai Apec telah banyak membantu. Kita yakin kali ini kita akan berjaya," kata beliau. -- BERNAMA

RAZ PR